

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan data jumlah pelajar Orang Asli yang belajar/menuntut di peringkat pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, IPTA, IPTS dan di luar negara sehingga kini. Senaraikan juga jumlah peratusan keciciran pelajar-pelajar Orang Asli ini.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut rekod statistik Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), data jumlah seperti berikut :

- a) Jumlah pelajar Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Orang Asli kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Tahun 2019 ialah seramai 140 orang kanak-kanak Orang Asli. Kanak-kanak Orang Asli bagi TASKA berumur antara 3-4 tahun.
- b) Jumlah pelajar Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) Orang Asli kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Tahun 2019 ialah seramai 4,931 orang kanak-kanak Orang Asli. Kanak-kanak Orang Asli bagi TASKA berumur antara 5 hingga 6 tahun.
- c) Jumlah pelajar Murid Orang Asli bagi Sekolah Kebangsaan di dalam rekod Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) Kementerian

NO. SOALAN : 57

Pendidikan Malaysia (KPM) Tahun 2019 ialah seramai 26,126 orang.

- d) Jumlah pelajar Murid Orang Asli bagi Sekolah Menengah Kebangsaan di dalam rekod Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Tahun 2019 ialah seramai 11,860 orang.
- e) Peratusan Keciciran Transisi (daripada Darjah 6 ke Tingkatan 1) bagi tahun ini yang direkodkan oleh pihak KPM ialah 24.83%.
- f) Jumlah Mahasiswa/i Orang Asli di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Universiti Awam (UA) Dalam Negara seramai 821 orang.
- g) Jumlah Mahasiswa/i Orang Asli di Institut Pengajian Tinggi Swasta Dalam Negara seramai 87 orang.
- h) Jumlah Mahasiswa/i Orang Asli di IPT Luar Negara ialah seramai 36 orang mulai tahun 2016 sehingga 2018.

Sekian, terima kasih.